

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 15 FEBRUARI 2017 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Residents undergo tests	New Straits Times
2.	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga Jumaat	BERNAMA
3.	500 pelancong terkandas di Pulau Tioman	Utusan Online
4.	Merengek lapar di Pulau Tioman	Harian Metro
5.	Fikir sebelum sebar	Harian Metro
6.	Masyarakat cepat kongsi berita	Harian Metro
7.	Fasilitator PSNCWU maut nahas	Sinar Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH : 15 FEBRUARI 2017 (RABU)**

RADIATION SCARE

## Residents undergo tests

**SHAH ALAM:** Two residents of Seri Era Apartment, who were in close proximity of the material containing Iridium-192 found in their neighbourhood on Saturday, had gone for blood tests yesterday, following advice from the **Atomic Energy Licensing Board** and the authorities.

Kalsom Ahmad, 70, who operates a mini market on the ground floor of Block 5 where the materials were found, had gone for the test with her neighbour, Sandhi Raman, whose residential unit is located directly across the business premises.

Sandhi, 50, who works as a sweeper at the apartment, had found and picked up the materials and thrown them into the rubbish bin in her unit on Saturday.

Kalsom told the *New Straits Times* that they were taken by the authorities to a clinic in Section 10 here to have their blood tested about 11am.

Kalsom, who has been a resident there for 10 years, said she was unaware of the health hazards of the materials until she was told by police



*Kalsom Ahmad*

and the apartment's residents representative.

"Since Sunday until today (yesterday), I have been experiencing headaches, burning sensation in my eyes, itchiness on my face and my body feels 'heaty'. I am waiting for the blood test results. I hope that I will be okay."

"I have been taking paracetamol to alleviate my headaches and putting pain relief patches on my temples. The headaches have not gone away since Sunday. I'm scared of what will happen to me," Kalsom said.

Meanwhile, Sandhi was relieved that she showed no symptoms of



*Sandhi Raman showing the spot where she found the material containing Iridium-192 at Seri Era Apartment in Shah Alam yesterday. PIC BY MUHAMMAD SULAIMAN*

nausea and dizziness despite coming into direct contact with the radioactive material.

"However, it is better that I go for a medical check up to be on the safe side," said Sandhi who has been living there for two years.

Sandhi said she had found the materials at the apartment's mailbox

area, which was outside her unit.

"I believe it had fallen from a gunny sack. So, I picked it up and placed it on top of the mailboxes."

"Fearing that children would play with it, I threw it into a rubbish bin inside my home. Not long after that, police showed up. I did not know that the material was hazardous until po-

lice told me."

Sandhi said she was earlier approached by a man, believed to be a scrap metal dealer.

"He had asked me to keep an eye on a gunny sack while he went to look for a friend who lived nearby. He said they would sell off whatever was in the gunny sack," she said.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 15 FEBRUARI 2017 (RABU)**



## **Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Hingga Jumaat**

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Amaran angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori kedua di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan hari ini menyatakan angin kencang berkelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) dengan ketinggian ombak sehingga 4.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Angin kencang dan keadaan laut bergelora turut melanda kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Kuching, Reef South, Labuan dan Sulu hingga Jumaat ini, dengan angin kencang pada kelajuan 40 hingga 50 kmsj dan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter.

Situasi sama juga diramal berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (pedalaman, pantai barat, Kudat dan Sandakan).

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut, menurut kenyataan itu.

Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut sehingga Jumaat ini.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
UTUSAN.COM.MY  
TARIKH: 14 FEBRUARI 2017 (SELASA)



## 500 pelancong terkandas di Pulau Tioman



KUANTAN 14 Feb. - BEBERAPA pelancong yang terkandas akibat laut bergelora di Pulau Tioman, Rompin, di sini hari ini. - UTUSAN/MOHAMAD SHOFI MAT ISA

KUANTAN 14 Feb. - Keadaan laut bergelora dan angin kencang ekoran cuaca buruk sejak semalam menyebabkan kira-kira 500 pelancong terkandas di Pulau Tioman, Rompin dekat sini.

Situasi itu berlaku kerana perkhidmatan feri ke pulau peranginan tersebut terpaksa dihentikan sementara waktu sehingga cuaca kembali pulih.

Pengurus Operasi Bluewater Express, Mohammad Syafiq Farhan berkata, keadaan ombak besar serta angin kencang menyebabkan kapten feri tidak mahu mengambil risiko menghantar dan mengambil pelancong di pulau berkenaan.

"Kami menerima banyak aduan dan rungutan daripada pelancong yang mahu kami meneruskan perkhidmatan tetapi kami tidak mahu mengambil risiko kerana melibatkan isu keselamatan dan nyawa penumpang.

"Difahamkan, **Jabatan Meteorologi** mengeluarkan amaran sehingga Jumaat ini namun kami akan kembali beroperasi semula jika keadaan cuaca bertambah baik," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bluewater Express yang berpangkalan di Mersing, Rompin mempunyai sembilan feri yang setiap satunya mampu membawa kira-kira 200 penumpang.

Mohammad Syafiq berkata, kejadian sama pernah berlaku ketika perayaan Tahun Baharu Cina baru-baru ini yang membabitkan kira-kira 400 pelancong.

Sementara itu, seorang pelancong, Abdul Ifwad Mohamad Ruslee, 27, berkata, dia tiba di pulau peranginan berkenaan pada Sabtu lalu untuk bercuti bersama isteri serta anaknya.

"Apabila tiba di Pulau Tioman, saya diberitahu oleh pelancong lain tentang keadaan laut bergelora sejak Jumaat lalu," katanya.

Difahamkan, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan menghantar kapal KD Terengganu milik agensi keselamatan itu untuk membawa keluar pelancong yang terkandas di pulau berkenaan.

Kapal itu akan bertolak dari Pangkalan TLDM Tanjung Gelang di sini pukul 9 malam ini dan dijangka tiba di pulau berkenaan pagi esok. - UTUSAN ONLINE

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 23**  
**TARIKH : 15 FEBRUARI 2017 (RABU)**



## Merengek lapar di Pulau Tioman

Raja Norain Hidayah  
Raja Abdul Aziz  
morain@hmetro.com.my

■ 500 pelancong terkandas akibat ombak besar, ibu jenuh cari makanan bayi

Ramya

**B**ekalan makanan anak sudah habis kerana menjangka hanya berada di pulau ini selama dua hari, tidak tahu pulu akan terkandas di sini. Puas saya mencari makanan bayi di sini namun tiada satupun kedai menjualnya.

"Anak saya kini hanya bergantung kepada susu badan namun dia sering merengek kerana lapar," kata Abdul Ifwad Mohammad Ruslee, 27.

Dia seorang daripada kira-kira 500 pelancong yang terkandas di Pulau Tioman, di sini berikutan cuaca buruk dan ombak besar sejak Ahad lalu.

Dia ke pulau peranginan itu untuk bercuti bersama isterinya, Nor Shalina Abd Wahid, 27, serta anak mereka, Alra Sofea yang berusia tujuh bulan pada Sabtu lalu.

"Oleh kerana percutian hanya untuk dia hari, kami hanya membawa barang keperluan termasuk makanan

bayi secukupnya, tidak jangka pulu berdepan keadaan sebegini.

"Sebelum ini, saya sudah beberapa kali bercuti ke pu-

lau ini namun ini adalah kali pertama berdepan keadaan sebegini, tidak tahu berapa lama lagi kami akan terkandas di sini," katanya.

Abdul Ifwad berkata, mereka menaiki feri dari jeti Mersing, Johor dan ketika itu langsung tidak dimaklumkan mengenai keadaan cuaca

yang buruk sebaliknya jadual perjalanan feri berjalan seperti biasa.

Katanya, namun apabila tiba di pulau peranginan berkenaan ada pelancong lain memaklumkan laut bergelora sejak Jumaat lalu dan lebur.

"Mereka mendakwa ada kejadian air laut memasuki feri sehingga paras buku la-

"Saya kesal kerana pihak pengusaha feri tidak memaklumkan terlebih dulu kepada kami jika mengetahui lebih awal sudah tentu saya akan membatalkan percutian ini kerana tidak mahu perkara buruk berlaku.

"Saya sudah beberapa kali menghubungi pengusaha bot dan mereka hanya meminta kami supaya bersabar sementara keadaan cuaca bertambah baik, mereka juga memberitahu jika esok (hari ini) ada feri yang akan ke Tioman, mereka akan membawa keluar pelancong yang terkandas," katanya yang bekerja sebagai jururawat di Pusat Perubatan Subang Jaya, Selangor.

Jabatan Meteorologi Malaysia sebelum ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora di beberapa perairan seluruh negara termasuk Pulau Tioman dan keadaan diramal berlarutan sehingga Jumaat ini.

Sementara itu, Ketua Kampung Tekek Zulkarnain A Hamid berkata, dia bimbang jika keadaan berlarutan bekalan bahan basah akan terputus berikutnya jumlah pelancong yang terkandas di pulau itu ramai.

Katanya, sehingga kini keadaan masih terkawal walaupun segelintir pelancong

terutama pelancong asing merungut berikutan tidak dapat keluar dari pulau itu.

"Difahamkan ada pelancong yang menempah tiket penerbangan dan juga tempat penginapan lain apabila berlaku keadaan sebegini mereka terpaksa menanggung kerugian."

"Namun, tiada apa yang dapat dilakukan buat masa ini memandangkan perkhidmatan feri dihentikan semestara, soal cuaca bukan sesuatu yang dapat kita jangka," katanya.

Dalam pada itu, pengusaha feri Bluewater Express memaklumkan terpaksa menggantung seketika perkhidmatan feri mereka sehingga cuaca baik.

Pengurus Operasinya, Mohammad Syafiq Farhan berkata, tindakan itu diambil kerana keadaan laut bergelora berisiko mendatangkan kerosakan kepada feri selain mengancam keselamatan penumpang.

"Kita sedar penumpang terutama yang berada di Pulau Tioman merungut dan marah apabila kita mengambil tindakan ini, namun kita tidak mau mengambil mudah kerana ia bersangkut-paut dengan nyawa mereka."

"Walaupun Jabatan Meteorologi (Malaysia) meramalkan keadaan ini berlarutan sehingga Jumaat, kita akan memantau keadaan semasa, jika bertambah baik kita akan meneruskan semula operasi seperti biasa," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Mohammad Syafiq berkata, kejadian sama pernah berlaku ketika perayaan Tahun Baru Cina, baru-baru ini yang membabitkan kira-kira 400 pelancong.

**FAKTA**  
Laut bergelora  
sejak Jumaat lalu

# FIKIR SEBELUM SEBAR

Afiq Hanif  
afiq\_hanif@hmetro.com.my


**Zaman** digital menghasilkan maklumat terpampang di hujung jari termasuklah aktiviti membaca berita namun dengan lambakan informasi yang berlebar di Internet mengakibatkan banyak berita palsu disebarluaskan.

Lebih memburukkan keadaan, sikap pengguna

Internet yang gatal tangan pantas berkongsi berita terbabit meskipun sumbernya masih belum disahkan atau diragui ternyata membimbangkan.

Sama ada mahu menjadi wartawan tidak bertauliah di Internet atau jenis yang sentiasa mahu menjadi orang pertama menyebarkan berita menyebabkan penyebaran berita palsu berleluasa sehingga menenggelamkan berita sebenar.

>2&3



KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 02  
TARIKH : 15 FEBRUARI 2017 (RABU)

# MASYARAKAT CEPAT KONGSI BERITA

Kurang peka bahaya berita palsu dalam kehidupan searian, seronok berkongsi tanpa usul periksa

## FOKUS

### DARI MUKA 1

Ditambah dengan platform sosial yang berada di atas Internet seperti Facebook, WhatsApp, Telegram dan Twitter membolehkan capaian berita menjadi lebih pantas mengakarkan maklumat terlah mudah dikongsi hanya pada sekali tekan butangnya.

Namun mengejutkan apabila keadaan terabit juga menyebabkan kerja penguat kuasa bertambah.

Misalnya, kes penculikan kanak-kanak mengaitkannya dengan van putih menyebabkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terpaksa menyiasat kebenaran berita tersebut dan meminta orang ramai memaklumkan mereka jika mengetahui maklumat berkaitan.

Masih ingat penyebaran maklumat kononnya meminta golongan wanita berhati-hati ketika keluar rumah kerana dikhawatir menjadi mangsa culik dan dibunuhi oleh sindiket penjualan organ.

Berita palsu yang tersebut metas ita dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab dan tindakan itu secara tidak langsung boleh membangkitkan kegusaran



PENGUNA kurang peka terhadap sumber berita.

masyarakat tanpa sebab. Menyusahkan banyak pihak boleh mengakarkan kes sebenar yang sepatutnya dikendalikan pihak berkuasa teranggu. Ada pula pihak mengambil kesempatan menjadikan portal berita dengan mensensasikan berita yang langsung tiada kebenarannya semata-mata memaksimumkan pelawat dan pendapatkan iklan di laman yang dicipta.

Masyarakat di negara ini dilihat kurang peka bahaya berita palsu dalam kehidupan searian dan seronok berkongsi tanpa usul periksa

Salah satu puncanya jelas apabila minda masyarakat yang semakin cetepek ilmu dan sudah tidak mengamalkan budaya membaca bahan yang bukan berruhaniak Internet.

Internet seharusnya menjadi lubuk ilmu namun ilmu itu datang daripada pemahaman dan akal fikiran yang didorong minda cerdas serta boleh

memisahkan logik atau tidak dengan kekuatan kandungan dalam otak manusia itu sendiri.

Sekali gus, Internet bukan platform mencapai maklumat di hujung jari tetapi menyebabkan penggunaannya menjadi narsistik, terlalu leka dengan apa saja yang disusup serta cepat terpedaya dengan berita ringkas dan pendapatkan iklan di

Kehimbangan terbitan melanda dunia dan ia disaraskan Ketua Pegawai Eksekutif Apple, Tim Cook dalam temu bualnya bersama The Daily Telegraph, baru-baru ini.

"Kerajaan perlu melancarkan kempen kesedaran untuk mengatas masalah penyebaran berita palsu yang membunuh minda manusia," katanya.

Beliau berkata, ia masalah besar di dunia sekarang dan syarikat berkaitan teknologi perlu mengatasinya secara kolektif.

"Kita perlukan kempen

25 Harian Metro News

JOHOR BAHRU: Pemain bola sepak Johor Darul Ta'zim yang juga bekas pemain negara, Safee Sali hari ini dikerjakan ke hospital sebelum dikeluarkan...



[AL-FATIHAH] Safee Sali Meninggal Dunia Akibat Serangan Jantung.

[www.harianmetro.com.my](http://www.harianmetro.com.my)

1.2K likes

SALAH satu berita palsu dengan pautan

83 comments

**SAMBUNGAN...**  
**HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT 03**  
**TARIKH : 15 FEBRUARI 2017 (RABU)**

LAMAN web Snopes untuk menyemak kesahitan sumber.



ANDA boleh laporan berita palsu di Facebook.  
(Gambar kredit TechCrunch)

yang mengubah dan mendidik pengguna mengenai bahaya berita online palsu," katanya.

Di Malaysia, kempem hampir sama kini juga dilakukan agensi keselamatan siber, Cybersecurity Malaysia (CSM) dengan hashtag seperti #myviralvow bertujuan menyedarkan pengguna mengenai kepentingan bertanggungjawab apabila berkongsi sesuatu di Internet.

Terdapat satu laman web, Snopes yang membolehkan pengguna menyemak kesahitan berita dan memaklumkan sumber berita terbabit berdasarkan kata kunci dan capaian pautan berkaitan namun ia kurang tepat

untuk dipraktikkan di Malaysia.

Meskipun kurang tepat, ia masih boleh diguna pakai ketika menyemak berita yang ada kaitan dengan negara luar.

Jika anda membuka berita tertentu, tanya soalan kepada diri sendiri seperti yang It@Metro cadangkan di bawah:

1. Adakah berita terbabit mengandungi sumber?
2. Adakah sumber terbabit sangat jelas dan kuat?
3. Adakah maklumat sumber terbabit sama dengan artikel yang ditulis?
4. Adakah pautan itu agensi berita atau portal yang jelas kredibilitinya?
5. Adakah berita atau maklumat terbabit diakhiri

dengan ayat, 'sila share, sumber dari sekelan sekian'? Jika ya, besar kemungkinan ia palsu.

6. Adakah sumber berita terbabit datang daripada 'group sebelah'?
7. Sumber berita datang daripada 'page' Facebook yang diragui 'adminnya'?
8. Jika berita membabitkan angka, adakah jumlahnya logik?

Jadi sekiranya apa yang boleh dilakukan jika anda terjumpa pautan berita palsu?

Facebook sekarang misalnya mempunyai tanda amaran dengan memaklumkan pengguna mengenai label sesebuah berita dan ia dikehluarkan dalam bentuk ayat, 'This story appears likely to be false. Are you sure you want to share it?' Google pula akan menyemak status berita dan jika ia palsu boleh menyebabkan 'ranking' pautan terbabit berada jauh di belakang.

Namun paling penting, masyarakat masa kini perlu mengelak daripada mudah menyebarluaskan berita yang kesahihannya amat diragui. Impak negatif penyebaran maklumat dan berita palsu secara pantas dan meluas boleh mengganggu ketenteraman awam dan mengakibatkan kerugian kepada negara.

Semak sumber ketika membaca sesebuah berita di Internet itu penting dan rajin membaca juga berupaya mengelakkan kecabutan terhadap sesuatu maklumat.

KPM lapor polis viral palsukan muka dewan Harian Metro

PENYEBARAN berita palsu boleh menyusahkan banyak pihak.

**Pastikan Maklumat Itu Betul, Sebelum Anda Bertindak.**

CyberSAFE.my #myviralvow

KEMPEN kesedaran yang dianjurkan Cybersecurity Malaysia.

# Fasilitator PSNCWU maut nahas

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR - Seorang fasilitator Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara (PSNCWU) maut dalam kemalangan di lampau isyarat Pekan Alor Janggus, di sini, semalam.

Mangsa, Sharifah Suriani Syed Mahadzir, 24, dari Kampung Hilir Kubang Rotan dirempuh sebuah treler ketika hendak membobelok ke Jalan Gunung Keriang kira-kira jam 9 pagi.

Bapa mangsa, Syed Mahadzir Syed Ahmad, 58, berkata, anak perempuannya baru membeli motosikal jenis Modena Kriss kira-kira dua minggu lepas.

"Sharifah mengumpulkan wang gajinya untuk membayar duyt muka (pendahuluan) dan membeli motosikal itu sebab tak mau menyusahkan pak cik."

"Selama ini, pak cik yang



Najihah (tengah) bersama rakan yang lain menunggu mayat mangsa untuk dibedah siasat. Gambar kecil: Sharifah Suriani.

hantar Sharifah ke tempat kerjanya di Gunung Keriang, tetapi kali ini dia mahu menunggang sendiri ke tempat kerja," katanya.

Menurutnya, jika diikut-

kan hatinya, memang dia mahu anaknya menunggang sendirian.

"Saya reda dengan ketentuan ALLAH SWT lebih sayangkan anak saya.

Katanya lagi, anak keempat dari enam adik beradik itu merupakan seorang anak solehah, baik, patuh dan anak harapannya yang banyak berkorban menjaga

adiknya selepas pemergian arwah isterinya hampir setahun lepas.

Abang ipar mangsa, Ridzuan Md Khr, 35, berkata, dia terkejut mendapat tahu kemalangan yang menimpa adik iparnya itu yang sebelum ini tidak menunjukkan sebarang perubahan.

Katanya, jenazah Sharifah dikebumikan bersebelahan kubur arwah ibunya di Tanah Perkuburan Islam Masjid Kubang Rotin selepas Asar.

Sementara itu, rakan baik mangsa, Najihah Mat Zaki, 24, berkata, Sharifah yang dikenali sejak lima tahun lepas kelihatan sedikit pendiam ketika ditemui baru-baru ini.

Katanya, Sharifah yang mesra dipanggil Pah seorang yang amat ceria.

"Dia yang menceriakan kami selama perkenalan, tetapi Sabtu lepas, kami semua dapat rasakan dia agak pen-

diam," katanya.

Katanya, sebelum ini dia dan mangsa masing-masing seronok berbual mengenai komvokeyen mereka pada Mei nanti.

"Semalam kami baru dapat tarikh komvokeyen selepas tamat pengajian Juilai tahun lepas dan kami ada merancang melancong ke Langkawi pada bulan depan, namun hasrat itu tidak dapat diteruskan," katanya.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner, Mohd Rozi Jidin mengesahkan menerima laporan berhubung kemalangan itu dan siasatan awal mendapati treler yang hendak melalui Jalan Gunung Keriang berlanggar dengan motosikal dinaiki mangsa ketika ingin membobelok ke kanan.

Katanya, kes berkenaan akan disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.